

14 JAN 1998

CAMDESSUS DIJADUAL TIBA DI IBU NEGARA ESOK

KUALA LUMPUR, Jan 14 (Bernama) -- Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Michel Camdessus dijangka tiba dari Indonesia untuk lawatan selama dua hari ke ibu negara esok.

Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk bertukar-tukar pendapat dan membincangkan perkembangan terkini keadaan ekonomi negara, demikian menurut Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Camdessus dijangka mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim di Perbendaharaan pada sebelah petang diikuti dengan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad keesokan harinya.

Beliau juga dijadual mengadakan mesyuarat dengan pegawai Perbendaharaan serta Bank Negara Malaysia.

Camdessus sedang dalam rangka lawatan ke beberapa buah negara Asia termasuklah Korea Selatan dalam usaha meredakan krisis ekonomi yang melanda rantau ini.

Beliau akan berlepas ke Singapura pada 16 Januari. -- BERNAMA

AA OS